

SOALAN NO: 567

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: Y.B. DATUK MOHD IDRIS BIN JUSI

SOALAN:

Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah belia lepasan sekolah dan industri dan peratusan pengangguran di kalangan mereka. Apakah langkah-langkah mengatasi dan setakat mana keberkesanannya.

PR-1331-T66522

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan data Jabatan Perangkaan Malaysia, jumlah belia yang menganggur mengikut pecahan siswazah dan bukan siswazah bagi Setengah Tahun Pertama Tahun 2014 adalah seperti berikut:-

Jadual 1: Bilangan Penduduk umur bekerja Siswazah dan menganggur (15-24 tahun) H1/2014 Malaysia

('000)

Umur	Bilangan Penduduk Bekerja			Bilangan Penganggur		
	lelaki	Perempuan	Jumlah	Lelaki	Perempuan	Jumlah
15-24	214.1	292.7	506.8	18.2	32.2	50.4

Jadual 2: Bilangan Penduduk umur bekerja Bukan Siswazah dan menganggur (15-24 tahun) H1/2014 Malaysia

('000)

Umur	Bilangan Penduduk Bekerja			Bilangan Penganggur		
	lelaki	Perempuan	Jumlah	Lelaki	Perempuan	Jumlah
15-24	2,709.2	2,470.2	5,179.3	112.7	71.6	184.4

Tuan Yang Di Pertua,

2. Jadual di atas menunjukkan kumpulan umur daripada 15 tahun hingga 24 tahun di kalangan siswazah yang menganggur adalah seramai 50,400 orang dan bilangan bukan siswazah yang menganggur dalam kumpulan umur yang sama adalah seramai 184,400 orang. Dalam hubungan ini, jumlah penganggur di antara siswazah dan bukan siswazah menunjukkan perbezaan yang agak besar iaitu seramai 134,000 orang.

3. Kerajaan sentiasa prihatin mengenai isu pengangguran di kalangan graduan di negara ini. Dalam hubungan ini, Kementerian Pendidikan Malaysia telah melancarkan *Graduate Employability*

Blueprint (GEB), 2012-2017 pada penghujung tahun 2012 yang memberi tumpuan untuk memperkukuhkan kebolehpasaran graduan serta memperincikan isu-isu kebolehdapatan kerja di kalangan graduan.

4. Sebagai usaha bersepadu pihak Kerajaan dalam menangani masalah kebolehdapatan kerja graduan, empat Jawatankuasa Kerja yang diterajui oleh pelbagai Kementerian/ agensi ditubuhkan di bawah *Graduate Employability Taskforce (GET)* bagi memantau pelaksanaan pelan tindakan *Graduate Employability Blueprint (GEB)*, Empat Jawatankuasa Kerja tersebut adalah:

- a) Jawatankuasa Kerja Perancang Permintaan dan Penawaran Sektor Awam yang dipengerusikan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam;
- b) Jawatankuasa Kerja Perancang Permintaan dan Penawaran Sektor Swasta yang dipengerusikan oleh Kementerian Sumber Manusia;
- c) Jawatankuasa Kerja Perancang dan Penyelaras Program *Graduate Employability* yang dipengerusikan bersama oleh Kementerian Kewangan dan Unit Perancang ekonomi; dan
- d) Jawatankuasa Kerja Penilaian *Outcome* Intervensi Kebolehdapatan Kerja Graduan yang dipengerusikan

bersama oleh Kementerian Pendidikan dan Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU).

5. Di samping itu, KSM turut menyediakan pelbagai program khusus bagi meningkatkan kebolehdapatan kerja (*employability*) di kalangan graduan. Antaranya termasuk:

a) Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB)

(i) **Program Accelerated Skills Enhancement Training (ASET)**

Program ini melengkapkan graduan dengan kelayakan profesional yang mempunyai nilai tambah bagi meningkatkan kebolehpasaran dan pendapatan mereka.

b) Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK)

(i) **Program *Industrial Skills Enhancement* (INSEP)**

Meningkatkan kebolehpasaran pelatih sekaligus memberi peluang untuk memperoleh dua persijilan (*dual certification*).

(ii) **Program *Workforce Technical Transformation Programme* (WTTP)**

Program ini memberi peluang kepada lepasan sekolah terutama dari kalangan keluarga miskin mengikuti latihan kemahiran yang menepati keperluan industri.